

Jenis Akhbar : Metro Ahad

Tarikh : 14/07/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 7

Tajuk : Tambah modal kembang perniagaan koperasi sekolah

Kuala Lumpur

Tambah modal kembang perniagaan koperasi sekolah

Guru disaran berbincang dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi meningkatkan jumlah modal atau saham yang disumbangkan ke koperasi sekolah.

Perkara ini dinyatakan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah, ketika berucap merasmikan Hari Koperasi dan Keusahawanan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, melalui sumbangan modal dan saham yang lebih besar, banyak aktiviti perniagaan dapat dikembang dan

diceburi koperasi sekolah.

“Ini secara tidak langsung akan menyumbang perolehan yang lebih tinggi kepada koperasi sekolah,” katanya.

“Banyak aktiviti yang dijalankan oleh sekolah seperti Hari Guru, Hari Kecemerlangan, malah keceriaan kawasan sekolah mendapat tajaan dari koperasi sekolah. Oleh itu, adalah penting perniagaan koperasi sekolah dikembangkan dan diperkasa supaya dapat memberi manfaat kepada warga sekolah,” katanya.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Dr Ismail, Siti Nora Ali.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA